



**PESURUHJAYA SUKAN MALAYSIA
*COMMISSIONER OF SPORTS MALAYSIA***

**PEKELILING PESURUHJAYA SUKAN
BILANGAN 2 TAHUN 2022**

**TATACARA PINDAAN PERLEMBAGAAN
BADAN SUKAN**

TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan sebagai garis panduan yang bertujuan menjelaskan tatacara pindaan perlembagaan badan sukan yang berdaftar di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 [*Akta 576*].

LATAR BELAKANG

2. Akta 576 adalah suatu Akta untuk menggalakkan dan memudahkan pembangunan dan pentadbiran sukan di Malaysia. Seksyen 19 Akta 576 memperuntukkan bahawa perlembagaan badan sukan hendaklah mematuhi segala perkara yang terkandung dalam Jadual Kedua dan Jadual Ketiga Akta 576 atau apa-apa perkara lain yang semunasabahnya dikehendaki oleh Pesuruhjaya.

3. Sekiranya perkara-perkara yang terkandung dalam Jadual Kedua dan Jadual Ketiga Akta 576 tidak terkandung dalam perlembagaan dan kaedah-kaedah badan sukan yang dahulunya didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966, adalah disifatkan terkandung dalam perlembagaan dan kaedah-kaedah suatu badan sukan. Sehubungan dengan itu, badan sukan hendaklah meminda perlembagaan atau kaedah-kaedahnya mengikut segala perkara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan Jadual Ketiga Akta ini.

TAFSIRAN

4. “anggota” ertinya seseorang yang menjadi ahli berdaftar kepada suatu badan sukan termasuk ahli sukan.

5. “perlembagaan badan sukan” ertinya dokumen yang mengandungi peraturan, undang-undang, dasar atau apa-apa kaedah atau tatacara atau prosedur bagi tadbir urus badan sukan.

PINDAAN PERLEMBAGAAN

6. Matlamat pindaan perlembagaan badan sukan adalah bagi –

- i. mematuhi peruntukan Akta 576, peraturan-peraturan dan perintah-perintah pembangunan sukan atau apa-apa peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa;

- ii. mematuhi obligasi dasar, perlembagaan, undang-undang kecil, peraturan-peraturan atau apa-apa garis panduan yang ditetapkan oleh badan pengelola suatu sukan itu;
- iii. mengemaskini dan menambah baik perlembagaan badan sukan bagi memastikan kelancaran tadbir urus, meningkatkan integriti, ketelusan serta perjalanan badan sukan; dan
- iv. mengelakkan kekeliruan atau salah tafsir bagi apa-apa perkara dalam perlembagaan badan sukan.

7. Pindaan yang tidak dipertimbangkan –

- i. bercanggah dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta 576 dan peraturan-peraturan serta perintah-perintah pembangunan sukan di bawah Akta ini atau apa-apa peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa;
- ii. bercanggah dengan obligasi dasar, perlembagaan, undang-undang kecil, peraturan-peraturan atau apa-apa garis panduan yang ditetapkan oleh badan pengelola suatu sukan itu; dan
- iii. bercanggah atau mengubah matlamat penubuhan suatu badan sukan, mempunyai kecenderungan kepentingan individu dan tidak memberi keadilan kepada anggota.

8. (1) Perlembagaan yang telah dipinda hendaklah dikemukakan kepada Pesuruhjaya dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh diluluskan dalam mesyuarat agung atau seperti mana yang diperuntukkan di dalam perlembagaan badan sukan.

(2) Pindaan perlembagaan dibuat melalui –

(a) borang PP1 dan PP2 yang ditandatangani oleh dua (2) pemegang jawatankuasa utama; dan

(b) salinan minit mesyuarat yang menyatakan ketetapan pindaan perlembagaan.

PERAKUAN PINDAAN

9. Perlembagaan yang telah diluluskan hendaklah dikemukakan dua (2) salinan kepada Pesuruhjaya untuk dimeterai.

10. Perakuan pindaan perlembagaan hendaklah dikeluarkan seperti di lampiran.

TARIKH KUATKUASA

11. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

12. Tertakluk kepada penerimaannya, pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada Pesuruhjaya Sukan Rantau Sabah dan Pesuruhjaya Sukan Rantau Sarawak.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(IBRAHIM BIN MOHD YUSOF)
Pesuruhjaya Sukan Malaysia

Pejabat Pesuruhjaya Sukan
Malaysia
Kuala Lumpur

28 Julai 2022

BORANG PP 1

MALAYSIA

AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997

PINDAAN PERLEMBAGAAN BADAN SUKAN

Ruj. Kami:

Ruj. PPS :

Tarikh :

Kepada:

Pesuruhjaya Sukan Malaysia

.....
.....
.....

1. Nama badan sukan berdaftar:

.....
.....

2. Alamat berdaftar/tempat urusan:

.....
.....

3. Bersama-sama ini dilampirkan dokumen-dokumen seperti berikut::

- (a) Dua (2) salinan kertas pindaan menukar nama/alamat/meminda perlembagaan atau kaedah-kaedah baru / bendera / lambang / lencana atau warna atau tanda lain yang berwarna.

- (b) Dua (2) salinan minit mesyuarat di mana pindaan perlembagaan atau kaedah-kaedah diterima oleh ahli-ahli mengikut peruntukan-peruntukan dalam perlembagaan atau kaedah-kaedah berdaftar.

(Tandatangan)

(Nama)

(Jawatan) PRESIDEN

(Tandatangan)

(Nama)

(Jawatan) SETIAUSAHA

Nota:

“Pemegang jawatan utama” berhubungan dengan sesuatu badan sukan, ertinya mana-mana orang yang melaksanakan fungsi presiden, pengerusi, timbalan presiden, timbalan pengerusi, naib presiden, naib pengerusi, bendahari atau setiausaha, sama ada dikenali dengan nama itu atau tidak.

BORANG PP2

PINDAAN PERLEMBAGAAN

PERSATUAN / KELAB :

Bil	M.S./Fasa	Asal	Pindaan	Asas-Asas Pindaan (Justifikasi)

Tandatangan
Nama
Jawatan
(pemegang jawatan utama badan sukan)

.....
.....
.....

Tandatangan
Nama
Jawatan
(pemegang jawatan utama badan sukan)

.....
.....
.....



Nº 0000

MALAYSIA

AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997
PERAKUAN PINDAAN PERLEMBAGAAN

Nama Badan Sukan : _____

Alamat Berdaftar : _____

No. Pendaftaran : _____

Pindaan perlembagaan yang telah diluluskan pada _____ adalah diperakui

dan berkuatkuasa bermula pada tarikh berkenaan: _____

Tarikh _____)

Pesuruhjaya Sukan
Malaysia